



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

SEMANGAT HARI MALAYSIA DI PROGRAM SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA

18 September 2022 – Nabawan, Sabah – Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan program **Semarak Uniti Keluarga Malaysia Peringkat Parlimen Pensiangan, Sabah** bertempat di Dewan Terbuka Nabawan, Sabah.

2. Program yang kali pertama dianjurkan di Negeri Bawah Bayu oleh Kementerian Perpaduan Negara ini berlangsung selama dua (2) hari iaitu bermula 17 hingga 18 September 2022. Bertemakan “Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia”. Program ini berpaksikan 3 teras Keluarga Malaysia iaitu **Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran**.

3. Pengajuran program ini adalah bagi menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia dan merupakan *platform* yang menjadi Tapak Integrasi untuk membina dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira perbezaan kaum, bangsa dan agama. Pelbagai pertandingan, pameran dan aktiviti telah diatur untuk masyarakat setempat termasuk Pameran Rumah KAMI Keluarga Malaysia yang mempamerkan kelainan berbanding Pameran Rumah KAMI Keluarga Malaysia di Semenanjung. Terdapat tujuh (7) Pameran Rumah KAMI Keluarga Malaysia iaitu Rumah Kaum Kadazan, Kaum Bajau, Kaum Brunei, Kaum Murut, Kaum Rungus, Kaum Cina dan Kaum India. Para pengunjung boleh mencuba

pelbagai makanan tradisi yang disediakan oleh setiap Rumah KAMI ketika pameran berlangsung.

4. Selain itu, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique turut menyampaikan 340 kotak *RT Cares* kepada penduduk B40 daripada 34 buah KRT di sekitar Nabawan. Setiap KRT dari Parlimen Pensiangan juga turut menerima mesin pemotong rumput bagi pelaksanaan aktiviti gotong-royong Gerak Kerja Bersih dan Indah di kawasan masing-masing.

5. Terdapat sebanyak **117 KRT** di Parlimen Pensiangan meliputi tiga (3) daerah iaitu Daerah Keningau, Daerah Nabawan dan Daerah Sook Kecil. Negeri Sabah juga mempunyai bilangan KRT kedua terbanyak selepas Selangor di Seluruh Malaysia dengan jumlah keseluruhan sebanyak **1,069 KRT**. Sehingga kini, terdapat sebanyak **8,330 KRT** di seluruh negara.

6. Bersempena program ini, Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (*RT4ALL*) di Kg. Karanaan, Sook, Sabah yang meliputi empat (4) gerak kerja utama iaitu:

i. **Gerak Kerja KRT Sejahtera**

Memfokuskan kepada kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup

ii. **Gerak Kerja KRT Selamat**

Menjadikan tanggungjawab menjaga keselamatan secara inklusif bersama komuniti

iii. **Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah**

Memfokuskan kepada amalan penjagaan kebersihan dan keindahan kawasan komuniti

iv. **Gerak Kerja KRT Sihat**

Memfokuskan kepada program amalan gaya hidup sihat

7. YB Menteri Perpaduan Negara juga telah menyertai ahli Komuniti KRT Kg. Karanaan, Sook dalam menjayakan aktiviti melukis "*Uniti Mural*". YB Menteri Perpaduan Negara turut berkesempatan melawat seorang AJK Jiran Wanita, Puan Rita binti Sanin yang mengalami lumpuh (*stroke*) sejak tahun 2020 dan menyerahkan barang keperluan harian serta sumbangan wang tunai bagi meringankan beban keluarga AJK Jiran Wanita tersebut.
8. Majlis pada hari ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya Merangkap Ahli Parlimen Pensiangan, Yang Berhormat Datuk Ir. Shahelmy Yahya, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, YBrs. Dr. Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta Ketua-ketua Masyarakat.
9. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique turut menzahirkan harapan beliau agar lebih banyak program Semarak Uniti Keluarga Malaysia dapat dilaksanakan di seluruh negara sebagai tapak integrasi bagi memperkuuhkan ikatan perpaduan dan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

18 September 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569
E-mail: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (143)

LAMPIRAN

AKTIVITI DI SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA PERINGKAT PARLIMEN PENSIANGAN 2022

1. PERTANDINGAN

- *Uniti Got Talent*
- Pertandingan Paluan Gong Kreatif
(Keningau, Sook, Nabawan, Tenom dan Tambunan)
- Pertandingan Hias Kek Semarak Uniti
- Pertandingan Senamrobik Zon Pendalaman Atas
- Pertandingan Masakan Etnik
- Pertandingan Mewarna Si Cilik

2. AKTIVITI KELUARGA MALAYSIA

- Jom Sihat UNITI Keluarga Malaysia
- *Unity Run*
- *Uniti Plogging*
- *Uniti Mural*
- Persembahan Kebudayaan
- Pameran Kraftangan Jiran Wanita
- Komuniti Sihat Keluarga Malaysia (KOSPEN)
- Cabutan Tiket Bertuah
- Demonstrasi Seni Mempertahankan Diri
- Eksplorasi Negara Kita

3. RUMAH KAMI KELUARGA MALAYSIA

- Pameran Perkahwinan Kaum Kadazan, Bajau, Brunei, Murut, Rungus, Cina, dan India
- Pameran Masakan Kaum Kadazan, Bajau, Brunei, Murut, Rungus, Cina, dan India
- Pameran Budaya Kadazan, Bajau, Brunei, Murut, Rungus, Cina, dan India
- Mognakan Keluarga Malaysia

4. SUKAN UNITI KELUARGA MALAYSIA

- Menyumpit
- Melastik
- Dart
- Gusti lengan
- Tarik Tali
- Lari Dalam Guni
- Sepak Raga Bulatan